



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**10 JULAI 2019 (RABU)**

---



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**10 JULAI 2019 (RABU)**

HARI :	RABU
TARIKH :	10/7/2019
M/SURAT :	8

## Arah bayar balik tribunal RM3 juta

**KUALA LUMPUR 9 Julai** - Tribunal Tuntutan Pengguna (Tribunal) mengeluarkan sebanyak RM3 juta arahan pembayaran (award) bagi kes penipuan pakej pelancongan untuk tempoh 2016 hingga 31 Mei lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jumlah tuntutan bagi kes penipuan yang sama dalam tempoh berkenaan adalah sebanyak RM6.6 juta melibatkan 1,075 kes.

"Pihak syarikat yang ditawarkan pakej pelancongan tersebut kena patuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh award diserahkan.

"Tribunal ini juga bukan hanya tunggu pemfailan tuntutan tetapi dari masa ke semasa lakukan program advokasi," katanya pada sesi pertanyaan-pertanyaan menteri dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan **Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru)** mengenai keberkesanan tribunal dalam membantu rakyat bagi kes penipuan seperti pakej pelancongan.

Menjawab soalan tambahan Akmal Nasrullah mengenai jenis-jenis jumlah tuntutan yang paling tinggi pada tahun ini, Saifuddin Nasution berkata, dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini,



tuntutan tebus rugi penipuan perniagaan dalam talian membabitkan barangan dan perkhidmatan mencatatkan sebanyak 943 kes.

Beliau memberitahu, dalam tempoh yang sama, tuntutan tebus rugi bagi telefon sebanyak 196 kes, kereta (160 kes), barangan elektrik (145 kes) dan perabot sebanyak 122 kes.

Bagi perkhidmatan pula, katanya, pemfailan tuntutan tebus rugi yang mencatatkan pemfailan tertinggi adalah perkhidmatan agensi pelancongan iaitu sebanyak 202 kes, pengubahsuaian rumah (196 kes), pembaikan kenderaan (112 kes) dan pendidikan sebanyak 102 kes.

"Tribunal tuntutan pengguna menjadi satu saluran alternatif kepada rakyat untuk fail tuntutan tebus rugi berkenaan pembelian barangan dan perkhidmatan.

"Tribunal ini menjadi platform untuk pemfailan tuntutan. Tribunal tuntutan pengguna akan meneliti semua fakta dan keterangan yang diberikan pengguna. Tribunal ini lebih mudah, murah dan cepat. Murah sekadar RM5 untuk membuat fail tuntutan," katanya.

Dewan Rakyat

# TTP terima laporan tertinggi tipu pakej pelancongan

1,057 kes difailkan pengguna antara 2016 hingga 31 Mei lalu, babit tuntutan RM6.6j

Laporan Mohd Anwar Patho Rohman dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penipuan pakej pelancongan adalah kes tertinggi yang dilaporkan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP) bagi tempoh antara 2016 sehingga 31 Mei lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sebanyak 1,057 kes difailkan pengguna dalam tempoh berkenaan membabitkan tuntutan berjumlah RM6.6 juta.

"Sebanyak RM3 juta tuntutan tebus rugi sudah dikeluarkan TTP dan syarikat yang menawarkan pakej pelancongan diarahkan membayar tuntutan terbabit perlu diselesaikan dalam tempoh



Saifuddin Nasution sebelum masuk Sidang-Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)

14 hari dari tarikh award dikeluarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru) pada waktu pertanyaan menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Saifuddin Nasution berkata, tuntutan tebus rugi tertinggi bagi

tempoh lima bulan sejak Januari lalu adalah perkhidmatan agensi pelancongan membabitkan 202 kes diikuti pengubahsuaian rumah (196 kes), pembaikan kenderaan (112 kes) dan pendidikan (102 kes).

Katanya, sebanyak RM1.7 juta tebus rugi dikeluarkan TTP bagi tuntutan terhadap semua per-

khidmatan berkenaan.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian mengalu-alukan badan guaman dan badan bukan kerajaan (NGO) menawarkan bantuan guaman bagi membantu pengguna untuk mendaftar keputusan TTP di mahkamah.

Katanya, ini kerana kebanyakan pengguna berdepan kesulitan atau kekeliruan untuk mendaftar keputusan TTP di mahkamah.

"Apabila sesuatu tuntutan tebus rugi diberikan, pengguna perlu mendaftar keputusan tribunal di mahkamah, barulah keputusan itu boleh dilaksanakan.

"Di situ, kadang-kadang pengguna merasakan terbeban dan tidak faham proses, maka kita terbuka badan guaman atau NGO untuk membantu," katanya.

Kelmarin, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 yang bertujuan meluaskan kuasa TTP dengan menaikkan jumlah tuntutan 100 peratus, daripada RM25,000 kepada RM50,000.

TTP ialah badan adjudikasi bebas yang ditubuhkan mengikut Seksyen 85, Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) dan mula berkuat kuasa pada November 1999.

**Kuala Lumpur**

### **1,057 kes tipu makan angin difailkan**

Sebanyak 1,057 kes membabitkan penipuan pakej pelancongan difailkan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sejak 2016 hingga 31 Mei lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia membabitkan tuntutan berjumlah RM6.6 juta.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM3 juta ‘dianugerahkan’ TTPM kepada pihak yang menuntut.

“Pihak syarikat yang menawarkan pakej pelancongan harus patuh dalam tempoh 14 hari daripada tarikh award (anugerah) dikeluarkan,” katanya, semalam.

Beliau menjawab soalan Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru) mengenai sejauh manakah keberkesanan TTPM dalam membantu rakyat pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri.

Dalam pada itu, Saifuddin berkata, untuk tempoh lima bulan



**SAIFUDDIN**

pertama tahun ini, tuntutan tebus rugi tertinggi yang difailkan membabitkan 196 kes penipuan pembelian barangan telefon, kereta (160 kes), barangan elektrik (145 kes) dan perabot (122 kes).

Menurutnya, untuk perkhidmatan pula, agensi pelancongan mencatatkan aduan tuntutan tebus rugi tertinggi iaitu sebanyak 202 kes, pengubahsuaian rumah (196), pendidikan (102 kes) dan pembaikan kenderaan (112 kes).

## Tribunal keluarkan RM3 juta 'award'

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak RM3 juta *award* dikeluarkan Tribunal Tuntutan Pengguna (Tribunal) bagi tempoh 2016 hingga 31 Mei 2019 bagi kes penipuan pakej pelancongan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jumlah *award* melibatkan 1,057 kes difailkan pengguna dalam tempoh berkenaan membabitkan keseluruhan tuntutan berjumlah RM6.6 juta.

"Pihak syarikat yang menawarkan pakej pelancongan tersebut harus patuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh *award* dikeluarkan atau diserahkan,"

katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di sini semalam.

Beliau menjawab soalan **Akmal Nasrullah Mohd Nasir (PH-Johor Bahru)** mengenai keberkesanan Tribunal membantu rakyat bagi kes penipuan pakej pelancongan.

Tribunal yang ditubuhkan sejak 15 November 1999, menyediakan saluran alternatif kepada pengguna untuk menuntut hak secara tebus rugi dan menyelesaikan pertikaian.

Katanya, bagi tempoh lima bulan pertama 2019, tuntutan tebus rugi terhadap perkhidmatan agensi pelancongan mencatat jumlah pemfailan tertinggi melibatkan 202 kes. - *Bernama*

**PENIPUAN  
PAKEJ  
PELANCONGAN**